



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

USM



HSM 320 : SEJARAH GUNAAN DAN KAJIAN TEMPATAN

TAJUK TUTORIAL 3 :

Berdasarkan satu teks atau beberapa teks terpilih, bincangkan kepentingan teks undang-undang Melayu tradisional sebagai panduan tentang adab pemerintahan dan kestabilan sosial.

DISEDIAKAN UNTUK:

Professor Datin Dr. Mahani
Binti Awang @ Musa

WAKTU TUTORIAL:

Khamis 1-2 petang



PEMBENTANG ANDA PADA HARI INI



**ELLYA MAISARAH
BINTI SHAFIE (147900)**



**AMISYA BINTI
ISMAIL (145602)**



**NUR NATASHA BINTI
ABD RASHID (147291)**



**NUR NAJIHAH BINTI
SHAFIE (147315)**



**BELLNITA BINTI UBIL
(145778)**

1.0 PENGENALAN (ISU)

- Teks undang-undang Melayu tradisional ialah undang-undang atau peraturan yang terbentuk berdasarkan amalan yang diwarisi dalam masyarakat secara turun temurun (berlaku banyak tokok tambah dan campur aduk dengan pelbagai pengaruh yang datang kemudiannya).
- Tambahan pula, kajian mengenai undang-undang tradisional telah banyak ditulis oleh sarjana-sarjana pentadbir Barat dan diselitkan dengan unsur-unsur Barat.
- Pihak kolonial Barat mengatakan bahawa undang-undang tradisional ini hanyalah untuk melindungi kepentingan pihak pemerintah sahaja dan bercorak penindasan kepada golongan rakyat bawahan.
- Walau bagaimanapun, perspektif ini berbeza dengan pandangan sarjana tempatan yang mengatakan bahawa undang-undang tradisional ini adalah penting dalam menggambarkan sosioekonomi masyarakat Melayu. (Jelani Harun)
- Hal ini demikian kerana apabila masyarakat semakin berkembang, kesedaran mengenai undang-undang ini jelas dapat dilihat sebagai panduan dan kawalan kepada pemerintah dan pengadilan terhadap rakyat.
- Perkara ini dapat dibuktikan melalui penulisan Undang-Undang Melaka pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Syah (1422-1444) yang kemudiannya diwarisi oleh Undang-Undang Adat Kedah, Undang-Undang 99 Perak, Undang-Undang Pahang .dan sebagainya
- Oleh itu, pembentang mempunyai perspektif yang berbeza dengan pihak kolonial Barat yang melihat undang-undang tradisional Melayu ini tiada fungsi yang jelas dan bersetuju dengan kenyataan tesis bahawa teks undang-undang Melayu tradisional memberi banyak kepentingan sebagai panduan tentang adab pemerintahan dan kestabilan sosial (ketatanegaraan).

2.0 Apakah Itu Ketatanegaraan???

- Menurut Jelani Harun (2003), ketatanegaraan ialah suatu istilah yang merujuk kepada susunan, bentuk ataupun panduan pemerintahan sesebuah negara.
- Pada dasarnya, tradisi penulisan karya adab ketatanegaraan Melayu bukanlah tradisi asli daripada pengarang Melayu sebaliknya ianya merupakan saduran atau pengaruh tradisi Arab dan Parsi.
- Buktinya, teks seperti *Taj al-Salatin (Mahkota Raja-raja)* dan *Bustanus Salatin (Taman Raja-raja)* memperlihatkan pengaruh yang ketara seperti dalam tradisi penulisan karya Arab dan Parsi.
- Teks-teks adab ketatanegaraan adalah bercorak panduan atau nasihat kepada para pemerintah mengenai cara pentadbiran negara yang baik dan tatacara hubungan raja dengan rakyat.

2.1 Ciri-ciri Ketatanegaraan Melayu

1. Mengandungi nasihat dan panduan kepada pemerintah dan pembesar tentang tanggungjawab masing-masing

2. Memaparkan konsep keadilan, kuasa dan hierarki

3. Memperlihatkan pengaruh Islam

4. Mementingkan kestabilan sosial



**3.0 KEPENTINGAN
TEKS UNDANG-
UNDANG MELAYU
TRADISIONAL SEBAGAI
PANDUAN TENTANG
ADAB PEMERINTAHAN
DAN KESTABILAN
SOSIAL.**



**3.1 KEPENTINGAN
TEKS UNDANG-
UNDANG
TRADISIONAL
MELAYU SEBAGAI
PANDUAN
TENTANG ADAB
PEMERINTAHAN**



1. MENJADI RUJUKAN ASAS PENTADBIRAN

UNDANG-UNDANG MELAKA

Hukum
Kanun
Melaka



KECEKAPAN
PENTADBIRAN



Undang-
Undang Laut
Melaka

Sejumlah besar naskhah Undang-Undang Melaka mempunyai perkaitan dengan pentadbiran adat, tugas raja dan pembesar, penghambaan, masalah tanah, hutang, pelayaran, perniagaan, buruh, kecurian, cukai, dan kekeluargaan telah dikumpul. Undang-undang ini telah dijadikan sebagai rujukan kepada semua urusan pentadbiran sekaligus membuktikan bahawa sistem pentadbiran yang cekap telah pun dipraktikkan sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.

1. MENJADI RUJUKAN ASAS PENTADBIRAN

UNDANG-UNDANG ADAT NEGERI KEDAH KU DIN KU MEH


- Undang-undang Adat Negeri Kedah mengandungi pelbagai maklumat tentang peraturan yang perlu dipatuhi pembesar dan rakyat negeri Kedah.

Fasal 1 : Syarat orang yang menjadi raja

Fasal 2 : Syarat orang yang menjadi menteri

Fasal 3 : Fasal alat pegangan menteri

Fasal 4 : Fasal hukum adat yang ditentukan



Fasal 1 sehingga 4 menunjukkan kepentingan manuskrip ini yang cukup terserlah melalui isu kandungannya sebagai sumber maklumat asas pentadbiran tentang undang-undang adat kesultanan Kedah pada abad ke-19, dan dalam masa yang sama menitipkan aturan adat istiadat raja dan kehidupan harian masyarakat.

2. MENJADI LAMBANG KEDAULATAN RAJA

UNDANG-UNDANG MELAKA

Dalam Undang-Undang Melaka, Fasal 1 hingga 3 menerangkan mengenai keistimewaan raja.

Fasal 1 : Adat majlis raja dalam hal warna kekuningan, adat hamba dan raja

Fasal 2 : Peraturan bahasa raja dan adat menyembah raja

Fasal 3 : Adat majlis raja dalam hal warna kekuningan dan anugerah raja

Keistimewaan ini jelas menunjukkan taraf seorang raja adalah berbeza dengan rakyat lain seperti dalam Fasal 1 sehingga fasal 3 dalam Undang-Undang Melaka.

Tegasnya, kesinambungan fasal-fasal ini menunjukkan bahawa adat telah dijadikan sebagai lambang kedaulatan raja sebagai pemerintah yang telah dilengkapi dengan beberapa keistimewaan.



2. MENJADI LAMBANG KEDAULATAN RAJA

Kedaulatan raja dapat dilihat melalui penggunaan bahasa, warna, dan alat kebesaran raja. Perkara inilah yang dilihat sebagai satu konsep melegitimasi kedudukan raja yang dianggap pemerintah yang berdaulat

LARANGAN KEPADA RAKYAT

sikap tidak menghormati institusi raja.

penggunaan keris berulu emas dan perlengkapan berwarna kuning

Penggunaan perkataan tertentu oleh rakyat seperti titah, patik, murka, kurnia, dan anugerah

2. MENJADI LAMBANG KEDAULATAN RAJA


UNDANG-UNDANG SEMBILAN PULUH SEMBILAN PERAK

Dalam Undang-Undang 99 Perak turut dinyatakan keistimewaan raja pada Fasal 24 yang menerangkan mengenai adab ketika kehadiran raja iaitu rakyat harus menundukkan kepala, tidak boleh meliar-liarkan mata, tidak boleh merenung terus ke muka raja dan suara harus direndahkan.



Maka jelaslah keistimewaan-keistimewaan yang telah wujud dan juga dipraktikkan oleh Undang-Undang Melaka dan Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak pada tempoh tersebut. Hal ini menunjukkan kepentingan teks undang-undang tradisional Melayu bagi sebagai lambang raja sebagai seorang pemerintah yang berdaulat.

3. PANDUAN DAN NASIHAT KEPADA RAJA & PEMBESAR



3. PANDUAN DAN NASIHAT KEPADA RAJA & PEMBESAR

UNDANG-UNDANG ADAT NEGERI KEDAH KU DIN KU MEH

"Bab yang pertama-tama syarat atas orang yang menjadi raja itu maulah ada kepadanya dua sifat pertama adil & keduanya ihsan."



Panduan pertama adalah berkaitan nasihat kepada raja untuk memiliki dua sifat terpenting iaitu adil dan ihsan.

Nasihat ini bertepatan dengan ajaran Islam.

3. PANDUAN DAN NASIHAT KEPADA RAJA & PEMBESAR

UNDANG-UNDANG ADAT NEGERI KEDAH KU DIN KU MEH

"Maka adalah pegangan dan jabatan raja itu erti kerajaan maulah ia memilih orang yang baik-baik akan dijadikan menterinya dan maulah muafakat ia dengan menteri atas tiap-tiap pekerjaan."



- Nasihat kepada raja agar memilih menteri yang baik.
- Antara panduan memilih adalah pilih menteri yang dapat saling bekerjasama dalam mentadbir negeri.

3. PANDUAN DAN NASIHAT KEPADA RAJA & PEMBESAR

UNDANG-UNDANG ADAT NEGERI KEDAH KU DIN KU MEH

"Hendaklah panglima dan segala yang berjutaan/berjutaan mendirikan adil dengan sesungguhnya, wajib atas segala raja dan menteri jangan tilik menilik barang siapa yang benar diperbenarkan dan yang salah disalahkan."




- **Nasihat kepada raja dan pembesar agar adil dengan rakyat dan menjaga kebajikan rakyat.**
- **Jangan menganiaya rakyat.**

3. PANDUAN DAN NASIHAT KEPADA RAJA & PEMBESAR



Bagaimana
jika tiada
Undang-
undang
Melayu
Tradisional
?



Adakah
raja dan
pembesar
dapat
mentadbir
negeri
dengan
baik?

IMPORTANT

4. MENGUKUHKAN PERANAN PEMBESAR DALAM PEMERINTAHAN

"Pembesar-pembesar tempatan yang banyak menyumbang kepada pembinaan dan kecemerlangan kerajaannya."

- Muhammad Yusoff
Hashim (1996)

- Pembesar-pembesar tempatan berperanan besar dalam pemerintahan negari.
- Bagaimana cara mereka menyumbang bakti kepada negara?
- Caranya apabila mereka berusaha memantapkan sistem perundangan berdasarkan undang-undang yang ditetapkan.

4. MENGUKUHKAN PERANAN PEMBESAR DALAM PEMERINTAHAN

- Para pembesar akan bertanggungjawab memastikan undang-undang dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin apabila adanya Undang-undang Melayu Tradisional.**
- Arahan daripada Raja dan undang-undang sedia ada akan menyebabkan para pembesar berusaha memastikan perundangan sentiasa dilaksanakan dengan sebaiknya.**
- Adab dalam pemerintahan dapat dilihat dengan jelas apabila para pembesar melaksanakan undang-undang dengan adil dan saksama.**
- Sebagai contoh, sekiranya rakyat melakukan kesalahan jenayah, maka hukuman perlu dilaksanakan berdasarkan undang-undang yang telah ditetapkan tanpa bersikap pilih kasih.**

4. MENGUKUHKAN PERANAN PEMBESAR DALAM PEMERINTAHAN



RAJA



PARA PEMBESAR



UNDANG-UNDANG

- Penting bagi pembesar untuk mengukuhkan peranan dalam pemerintahan kerana mereka merupakan 'mulut', 'mata' dan 'telinga' kepada raja dan 'orang tengah' antara raja dan rakyat.

**3.2 KEPENTINGAN
TEKS UNDANG-
UNDANG
TRADISIONAL
MELAYU SEBAGAI
PANDUAN
TENTANG
KESTABILAN
SOSIAL**



1. MEMBERI KESEDARAN KEPADA MASYARAKAT

- Setiap kesalahan yang dilakukan oleh individu haruslah dihukumi agar dapat memberi kesedaran serta keinsafan kepada individu yang lain.
- Kesalahan sahsiah yang dilakukan oleh seseorang itu haruslah diadili dengan selayaknya.
- Mampu mengawal setiap perilaku manusia agar berfikir dahulu sebelum bertindak.
- Menurut Mahammad Yusoff Hashim (1989: 198) memberi pendapat bahawa undang-undang merupakan sebahagian daripada keseluruhan sistem masyarakat yang bergerak, mengawal tindak tanduk manusia dan yang sering membentuk unsur-unsur dinamik selaras dengan dinamiknya kebudayaan dalam masyarakat.



UNDANG-UNDANG MELAKA

- Contoh : Hukuman ke atas pembunuh.
- Kesalahan membunuh ini berkaitan dengan ketentuan adat dan Islam. Ini berhubung dengan kesalahan membunuh tanpa pengetahuan raja yang terdapat dalam fasal 5 naskah Undang-undang Melaka sebagaimana petikan yang berikut:

Fasal 5: Maka, inilah kisahnya pada menyatakan orang membunuh dengan tiada setahu raja-raja atau tiada dengan setahu orang besar-besar itu... ..Jikalau tiada dengan setahu raja atau hakim harus ia dibunuh, maka tiadalah salahnya lagi. (Undang-undang Melaka, 2003: 109)

- Berhubung dengan kesalahan sahsiah ini, peristiwa membunuh ini dapat dikenalpasti dalam naskah Sulalatus Salatin.



Raja Siak, Sultan Ibrahim telah mengarahkan Tun Jana Pakibul membunuh rakyat yang telah melakukan kesalahan terhadapnya. Walau bagaimanapun, arahan yang diberikan kepada Tun Jana Pakibul ini tidak dinyatakan terlebih dahulu ke Melaka yang merupakan kuasa besar ketika itu. Tindakan raja Siak yang membunuh tanpa memberitahu ke Melaka ini menimbulkan kemarahan raja Melaka ketika itu iaitu Sultan Alau'd-Din Riayat Syah. Baginda telah mengutus Laksamana pergi ke Siak bagi menyelesaikan masalah berkenaan.

Alkisah maka tersebutlah perkataan Sultan Ibrahim, Raja Siak. Ada seorang salah pada baginda, maka disuruh baginda bunuh pada Tun Jana Pakibul. Maka kedengaran ke Melaka, Raja Siak membunuh orang tiada memberitahu ke Melaka... (Sulalatus Salatin, 2014: 184)



UNDANG-UNDANG ADAT NEGERI KEDAH MILIK KU DIN KU MEH


- Contoh: Hukuman terhadap perbuatan sumbang mahram.
- Perbuatan sumbang mahram ini akan memusnahkan institusi keluarga yang sangat dimuliakan dalam masyarakat dan agama.
- Dibunuh secara ngeri.
- Mayat orang tersebut tidak boleh dikebumikan di dalam negeri Kedah dan seluruh tanah jajahan, sebaliknya akan dibuang ke dalam laut atau hutan.
- Satu usaha raja dan pembesar Kedah dalam mempertahankan kehormatan anak-anak daripada dicabuli ahli keluarga sendiri, serta membendung perbuatan hina yang dilaknau Allah swt.




Tegasnya, hukuman yang ditetapkan oleh undang-undang tradisional seperti undang-undang Melaka dan Undang-Undang Adat Negeri Kedah Milik Ku Din Ku Meh ini sangat berperanan besar untuk memberi kesedaran kepada masyarakat agar mereka terhindar dari sebarang kesalahan yang membabitkan tingkah laku.

2. MELAHIRKAN MASYARAKAT YANG BERETIKA

- Nilai moral dan etika yang baik adalah amat dititikberatkan dalam sesebuah sistem pemerintahan kerajaan Melayu Tradisional.
- Nilai moral yang baik merujuk kepada akhlak yang mulia seseorang individu itu dan wajarnya diamalkan dan diterapkan sejak kecil lagi.
- Menerusi undang-undang Melayu Tradisional ini banyak memberi penekanan terhadap nilai etika yang bertamadun dalam seseorang individu. Dengan ini, masyarakat yang berakhlak mulia dan bertamadun dapat dilahirkan dalam sesebuah masyarakat dengan adanya penetapan undang-undang.
- Undang-undang ini bertujuan untuk menjamin keamanan negara daripada perkara-perkara yang tidak mendatangkan manfaat kepada masyarakat.



UNDANG-UNDANG MELAKA



- Contoh: Fasal yang ke-14 ada menyatakan hukum tuduh-menuduh yang tiada mempunyai saksi.
- Perbuatan ini sama sekali bercanggah dengan nilai dan norma masyarakat Melayu yang berpegang pada adab kesopanan.
- Menurut Zurakintan Abdul Razak dan Che Ibrahim Salleh, (2015: 123), adab dalam kehidupan mencakupi aspek pergaulan, tingkal laku, tutur kata, budi bahasa dan kesopanan yang kesemuanya mempunyai kaitan dengan pendidikan dan etika manusia itu sendiri.
- Sehubungan dengan itu, pentadbiran kerajaan kesultanan Melayu telah menggubal undang-undang berkaitan dengan kesalahan ini di mana:

Jika mengikut hukum kanun, berlawanan menyelam air atau bercelur ke dalam minyak atau timah yang cair. Jika mengikut hukuman Islam, hanya bersumpah di masjid.

- Perkara ini dilakukan bertujuan untuk memastikan masyarakat dapat hidup dalam suasana yang harmoni dan saling hormat menghormati.


UNDANG-UNDANG PAHANG

- Contoh : Fasal keenam pada menyatakan hukum segala orang mengamuk.
- Menurut Mat Saat Baki, (1993: 372), amuk merupakan tingkah laku tidak normal dan tidak boleh diterima oleh masyarakat.
- Perkara ini menyebabkan undang-undang Pahang menetapkan hukuman bagi pesalah yang mengamuk seperti berikut:

Jikalau hamba mengamuk atau utang-utangan jikalau tidak ditangkap maka dibunuh ia, jikalau dapat ditangkap dengan tiada tahu orang-orang besar salah, hukumannya kena denda iaitu sepuluh tahl sepaha. Jikalau Bendahara dan Bendahari tiadalah hukum akan dia. Adapun jika bukan ia orang besar-besar nescaya kena denda sepuluh tahl sepaha. Maka dalamnya itu tilik pula jikalau ada pada dirinya kenalah sepenuhnya.

- Perkara ini menjadikan manusia akan lebih berwaspada dalam melakukan sebarang tingkah laku sehingga dapat melahirkan masyarakat yang harmoni dan beretika.

Tegasnya, undang-undang tradisional seperti undang-undang Melaka dan undang-undang Pahang berperanan penting dalam melahirkan masyarakat yang beretika. Dengan ini, kita boleh lihat bahawa kewujudan undang-undang ini telah membantu masyarakat untuk lebih bertanggungjawab dan berdisiplin terhadap sesuatu undang-undang yang telah ditetapkan.



3. MENJAGA KEHARMONIAN MASYARAKAT

- Undang-undang berfungsi sebagai alat penyatu yang menjaga keharmonian masyarakat.
- Masyarakat lebih peka dan bertanggungjawab terhadap peranan setiap mereka masing-masing di dalam sesebuah komuniti dengan berpandukan undang-undang yang telah diwujudkan.
- Aturan dan undang-undang yang wajib diikuti dan diamalkan oleh masyarakat semasa sistem pemerintahan Kerajaan Melayu Tradisional telah mewujudkan keharmonian antara masyarakat pada masa dahulu.



UNDANG-UNDANG ADAT NEGERI KEDAH

- Undang-undang Adat negeri Kedah pada halaman 36 ada menyatakan kesalahan berkata dusta yang mana boleh menimbulkan pelbagai masalah dalam masyarakat.
- Halaman tersebut menjelaskan bahawa rakyat yang mendustai raja atau pembesar layak menerima hukuman seperti dikupas kulit kepala, dikerat bibir atau hidung dan ditanggalkan gigi. Di samping kesakitan menanggung siksaan, pendusta juga akan menanggung malu yang berpanjangan lantaran kehilangan bibir, hidung dan gigi. Mereka juga akan ditampar dan dipukul dengan teruk, malah kemungkinan juga akan dipenjarakan, didenda atau dikenakan hukuman-hukuman sampingan yang lain. Orang yang berdusta dengan memalsukan cap kuasa bendahara juga akan dikenakan hukuman secara "dikudung tangannya kanan sehingga habis lima jarinya"



Undang-Undang Adat Negeri Kedah
Abad ke-19
Milik Ku Din Ku Meh

Buku ini menampilkan kepada pembaca sebuah naskah perundangan adat negeri Kedah yang diberi judul *Undang-Undang Adat Negeri Kedah* yang terhasil pada tahun 1893 dan masih belum diterbitkan. Isi kandungannya menerangkan pelbagai maklumat penting tentang amalan undang-undang adat kesultanan Kedah pada abad ke-19, dan dalam masa yang sama menengahkan nilai sosiobudaya, ekonomi dan aturan kehidupan seharian masyarakat. Naskah undang-undang tersebut juga kaya dengan nasihat-adab pemerintahan mengikut ajaran Islam, kedudukan wanita, keantargamam bahasa dan sebagainya. Berdasarkan hukum-hukum yang tercatat dalam naskah tersebut, dapat dibuat suatu gambaran tentang permasalahan sosial yang berlaku di Kedah sekitar abad ke-19 hingga pelbagai bentuk undang-undang telah diwujudkan bagi membendung dan mengatasi permasalahan sosial tersebut. Keunikan naskah *Undang-Undang Adat Negeri Kedah* semakin terlelah melalui identiti pemilikinya, Ku Din Ku Meh yang pernah berkhidmat sebagai Penguasa Penjara di Alor Setar, Kedah pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Syah (1881-1943), dan seterusnya menjadi Gabenor di Setul (Satun). Hal ini memperlihatkan bahawa naskah perundangan adat masih memainkan peranan dalam sistem perundangan di negeri Kedah pada abad ke-19 bagi memelihara keharmonian dan keutuhan kerajaan dan negara. Naskah *Undang-Undang Adat Negeri Kedah* merupakan suatu pencapaian penting bagi sejarah dan ketamadunan lidip serta ketinggian hasil perundangan di negeri Kedah yang perlu diketengahkan kepada masyarakat hari ini.





Jika ada barang siapa berbuat tiru meterai dan cap raja, hukumnya dikupas kulit kepalanya. Jika dicuri, ambil pukul cap meterai raja pada kertas oleh hendak disurat sesuatu kehendaknya, maka hukum dibunuh orang itu. Jika ia berbuat dusta pada suatu pekerjaan, katanya titah raja, suruh ia buat kerja itu atau menyampaikan pada rakyat atau pada orang besar-besar titah raja, demikian-demikian tatkala nyata sudah dustanya dihukumkan atasnya dengan hukum kerat bibirnya sebelah atas sebahagi daripada hidungnya. Jika dia tiru buat meterai cap bendahara dan cap meterai qadhi, dikudung tangannya kanan sehingga habis lima jarinya.

Jika dicuri meterai cap itu pukul ambil pada kertas hampa atau pada sesuatu surat, dikudung ibu tangannya, suatu jari itu beri habis. Jika orang berbuat dusta dengan kata sabda Datuk Bendahara demikian-demikian hukumnya dicabut giginya di atas dan di bawah lima bilah dan jika kelakuan ini kepada menteri-menteri yang lain, dihukumkan dengan tampar dan balun, ikut patutnya. Jika ada orang tiru buat tera belanja negeri atau kupang kenderi, hukumnya dirampas dan bunuh atau didenda atasnya sekati lima. Kemudian, diperundurkan ia dari negeri itu kerana ia derhaka pada negeri.

Gambar Undang-undang Adat negeri Kedah pada halaman 36.

UNDANG-UNDANG SEMBILAN PULUH SEMBILAN PERAK.

- Perbuatan berzina ini merupakan satu kesalahan sahsiah yang tidak dipandang enteng dalam masyarakat.
- Perzinaan merupakan perbuatan jijik, baik dalam kaca mata agama mahupun kaca mata masyarakat.



- Fasal 50 dalam Undang-undang sembilan puluh sembilan menunjukkan hukuman bagi pesalah yang melakukan zina.
- Fasal ini menerangkan tentang penzinaan yang mana jika kedua-dua penzina itu mengakui kesalahan mereka, maka kedua-dua mereka akan diperintahkan Taakulan bernikah dan membayar, denda sepaha emas. Manakala, jika penghulu mendapati tiada kesalahan, maka kesalahan itu boleh dibincangkan atau dimaafkan.

4. MENJAGA KEAMANAN NEGARA

- Undang-undang bertujuan untuk menjaga keamanan negara di mana undang-undang yang diwujudkan memainkan peranan besar bagi memastikan negeri atau negara itu sentiasa berada dalam keadaan aman.
- Mahammad Yusoff Hashim ada menyatakan bahawa tujuan undang-undang yang paling asas ialah untuk menentukan peraturan kerana untuk menjaga dan mengawal keamanan dan kesejahteraan sosial.
- Masyarakat Kerajaan Melayu dapat menyelesaikan sebarang masalah mahupun pertindihan atau persengketaan yang berlaku dengan hanya berpandukan undang-undang yang telah diwujudkan semasa sistem pemerintahan Kerajaan Melayu tradisional pada masa dahulu. Keadaan ini sekaligus mempengaruhi meningkatkan keamanan negara pada masa dahulu.



UNDANG-UNDANG MELAKA

- Kegiatan mencuri boleh menimbulkan permusuhan dan ketidaktenteraman dalam kalangan anggota masyarakat. Keadaan ini akan mengganggu keamanan dalam sesebuah negara itu.
- Fasal 11 dalam Undang-undang Melaka menerangkan hukuman yang melibatkan kesalahan mencuri lembu.
 - Fasal ini memperlihatkan undang-undang tersebut yang berfungsi menjaga dan mengawal keamanan dan kesejahteraan sosial dan seterusnya mewujudkan keamanan negara.
 - Jika didapati seseorang itu mencuri kerbau, kambing atau lembu dari kandang, maka hukuman atau denda yang perlu dikenakan ke atas pelaku dendanya ialah setahil sepaha iaitu perlu membayar harga binatang itu seperti yang ditentukan oleh hakim. Manakala, jika seseorang itu mencuri haiwan ternakan itu dari tengah padang, dendanya ialah sepuluh emas serta perlu membayar harga binatang tersebut.

UNDANG-UNDANG SEMBILAN PULUH SEMBILAN

- Haron Din ada menyatakan bahawa membunuh dengan sengaja adalah perbuatan yang terkutuk dan amat ditegah oleh Islam. Ia suatu dosa besar yang sewajarnya dibalas di dunia ini dengan pembunuhan seperti itu juga. Oleh hal yang demikian, pembunuh harus mendapat pembalasan yang setimpal dengan perbuatan yang dilakukan.
- Fasal 23 dalam Undang-undang sembilan puluh sembilan ada menjelaskan hukuman bagi pembunuhan sesama orang islam.
- Dalam fasal 23 menjelaskan bahawa pembunuh tidak boleh dijatuhi hukuman bunuh kerana kedua-duanya akan binasa. Cuma orang yang membunuh itu menjadi kafir dan hukuman yang dikenakan ialah denda empat tahlil dua paha emas ataupun dua dirham dan disedekahkan setahlil sepaha emas.

4.0 KESIMPULAN

- Teks undang-undang tradisional Melayu bersifat himpunan hukum dan juga peraturan yang telah diterima oleh semua lapisan masyarakat yang boleh diangkat sebagai satu sistem.
- Sistem inilah yang menjadi panduan untuk mengawal pergerakan masyarakat dalam segala aspek termasuklah pemerintahan, ekonomi dan struktur sosial.
- Meskipun pendapat pemikir Barat menyatakan bahawa undang-undang adat tidak mempunyai ciri-ciri undang-undang moden Barat, namun pembentukan undang-undang yang terbentuk hasil daripada amalan dan dektri yang diwarisi dalam masyarakat secara turun temurun sudah cukup untuk mengangkat martabat teks ini sebagai bukti sejarah mengenai adab pemerintahan dan kestabilan sosial yang sudah berputik sejak Zaman Kesultanan Melayu lagi.
- Maka benarlah telahan Liaw Yock Fang yang menyatakan bahawa teks Undang-Undang Adat ini sememangnya penting sebagai panduan adab pemerintahan dan kestabilan sosial bagi sesebuah negeri.

BIBLIOGRAFI

- Ahmad Jelani Halimi. *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu : Kesultanan Melayu Melaka*. (Kuala Lumpur: Penerbit Utusan, 2004).
- Jelani Harun. *Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003).
- Jelani Harun, Mahani Musa, Idris Mansor & 'Aisyah Kamaruddin. *Undang-Undang Adat Negeri Kedah Abad Ke-19 Milik Ku Din Ku Meh*. (Pulau Pinang: Penerbit USM, 2021).
- Jelani Harun. *Undang-Undang Kesultanan Melayu Dalam Perbandingan*. (Pulau Pinang: Penerbit USM, 2008)
- Jelani Harun. 'Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak : Menara Kebesaran Adab Hubungan Raja dengan Menteri'. *Jurnal Peradaban Melayu*, jilid 1 (2003), 165-183.
- Mariyam Salim. *Undang-Undang Kedah*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005).
- Nor Afiza Mohd Nasir dan Salmah Jan Noor Muhammad. 'Pengukuhan Kuasa Pemerintahan Kesultanan Melayu Kedah Dalam Undang-Undang Kedah'. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, jilid 9 (2018), 51-60.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Hussain, Anisah Che Ngah & Mohamed Anwar Din. 'Konsep Kedaulatan dalam Hukum Kanun Melaka'. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, Jilid 22 (2018), 61-73.



Sekian,
Terima
kasih.

-Sesi soal jawab-